



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
LEMBAGA PEPERIKSAAN
EXAMINATIONS SYNDICATE
ARAS 1,2,5 - 13, BLOK E 11
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

Telefon : +603-8884 6000 (Talian Umum)
Faks : +603-8889 5120
Laman web : <http://www.moe.gov.my>

Telephone : +603-8884 6000 (General line)
Fax : +603-8889 5120
Website : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Tuan :
Your Ref :

Ruj. Kami : KP.LP.003.03.18 Jld.3(108)
Our Ref :

Tarikh : 14 Mac 2014
Date :

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri
(u.p.: Ketua Sektor, Sektor Penilaian dan Peperiksaan)

Tuan,

ARAHAN PENTADBIRAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU (A01400) ULANGAN UNTUK CALON KOLEJ VOKASIONAL RINTIS KOHORT 2012

Dengan sukacitanya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Lembaga Peperiksaan (LP) telah menetapkan peperiksaan **Bahasa Melayu (A01400) ulangan** bagi calon **Kolej Vokasional (KV) rintis kohort 2012 yang berada di Semester 5 tahun 2014** akan dilaksanakan pada **21 April 2014**.
3. Dimaklumkan juga bahawa peperiksaan ulangan ini ditawarkan kepada calon yang berikut:
 - a. Gagal BM A01400 pada semester 4
 - b. Mendapat keputusan T dalam BM A01400 pada semester 4
 - c. Tidak layak dianugerahkan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) kerana tidak memenuhi syarat lulus BM KV 1104
4. Sehubungan dengan itu, pendaftaran bagi calon yang akan menduduki peperiksaan ulangan ini akan dibuka pada 17 hingga 21 Mac 2014. Calon **hanya dibenar mengulang sekali sahaja** iaitu apabila peperiksaan bagi kertas soalan tersebut ditawarkan pada bulan April 2014 atau pada bulan Oktober 2014.
5. Peperiksaan Bahasa Melayu (A01400) ulangan akan ditadbir dan dikendalikan mengikut prosedur peperiksaan SPM. Pihak tuan hendaklah melantik pengawas peperiksaan dan petugas peperiksaan seperti pengendalian dan pengurusan peperiksaan SPM. Kadar bayaran untuk pengawas peperiksaan dan petugas peperiksaan adalah **mengikut kadar bayaran SPM (Ulangan)** seperti yang telah ditetapkan. Kertas soalan akan dihantar ke bilik kebal Jabatan Pendidikan Negeri pada tarikh yang telah dijadualkan untuk diedarkan pada hari peperiksaan.

BAHAGIAN PRODUKSI

Sektor Pembinaan Ujian Akademik	Tel : 03-62025369 Faks : 03-62018673
Sektor Pembinaan Ujian Teknikal Dan Vokasional	Tel : 03-62025302 Faks : 03-62015516

BAHAGIAN OPERASI

Sektor Perencanaan, Pengedaran Dan Keselamatan	Tel : 03-88843234 Faks : 03-88843240
Sektor Pengendalian Peperiksaan Menengah Atas Dan Luar Negeri	Tel : 03-88843263 Faks : 03-88895462
Sektor Pengendalian Peperiksaan Menengah Rendah dan Renduh	Tel : 03-88843373 Faks : 03-88895561

BAHAGIAN PENGURUSAN

Sektor Pengurusan Dasar Dan Perkembangan	Tel : 03-88843131 Faks : 03-88895131
Sektor Pengurusan Maklumat Dan Perkembangan Teknologi	Tel : 03-88843132 Faks : 03-88843133
Sektor Khidmat Pengurusan	Tel : 03-88843134 Faks : 03-88895134

6. Bersama-sama ini disertakan Lampiran 1 : **Jadual Waktu Bahasa Melayu (A01400) Ulangan Bagi Kolej Vokasional Rintis Kohort 2012** untuk panduan dan tindakan pihak tuan.

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi En. Mohd Jim b. Hamzah di talian 03-88843283/019-2774771 atau En. Mohammad Rihan b. Md. Sharif di talian 03-88843275/013-3479642.

8. Sila maklumkan kandungan surat ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan semua KV rintis yang terlibat di bawah pentadbiran tuan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DR. NA'IMAH BT. ISHAK)

Pengarah Peperiksaan
Lembaga Peperiksaan
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k. i. Pengarah
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia